



**IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA**

PEKELILING PERBURUHAN BILANGAN 1 TAHUN 2023

**PERMOHONAN KEBENARAN KETUA PENGARAH
DI BAWAH SEKSYEN 25A(2) DAN PEMBATALAN PERMIT PERBURUHAN DI
BAWAH SEKSYEN 34 AKTA KERJA 1955
[AKTA 265]**

TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan ketetapan Ibu Pejabat berkenaan:
 - (i) Pengeluaran Surat Kebenaran Ketua Pengarah di bawah seksyen 25A(2) Akta 265;
 - (ii) Pembatalan permit perburuhan di bawah seksyen 34 Akta 265; dan
 - (iii) Penggantian terma “permit perburuhan” kepada “Surat Kebenaran Ketua Pengarah” untuk diguna pakai bagi permohonan di bawah seksyen 25A(2) Akta 265.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Akta Kerja (Pindaan) 2022 telah diwartakan pada 10 Mei 2022 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Pindaan ini telah:

- (i) Mewujudkan seksyen 25A(2) yang mewajibkan keperluan majikan mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk gaji

TERHAD

- dibayar kepada pekerja melalui wang tunai atau cek. Rasional pindaan ini adalah untuk tujuan pemantauan dan penguatkuasaan Jabatan. Perincian seksyen 25A(2) adalah seperti di **Lampiran 1**; dan
- (ii) Membatalkan Bahagian VIII yang meliputi seksyen 34, 35 dan 36 berhubung sekatan wanita kerja malam dan larangan bekerja bawah tanah. Rasional pembatalan Bahagian ini adalah bertujuan untuk memberi layanan saksama (*equal treatment*) kepada pekerja lelaki dan wanita.
3. Ibu Pejabat telah bersetuju untuk menggantikan terma “permit perburuhan” kepada “Surat Kebenaran Ketua Pengarah” untuk digunakan dalam permohonan seksyen 25A(2) Akta 265. Ini selaras dengan terma “*approval from the Director General*” yang diperuntukkan dalam seksyen tersebut. Penggunaan terma Surat Kebenaran Ketua Pengarah ini juga akan diperluaskan kepada semua permohonan permit di bawah undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan melalui pekeliling yang akan disediakan dalam tempoh terdekat.

TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL

4. Permohonan kebenaran membayar gaji pekerja secara wang tunai atau cek di bawah seksyen 25A(2)

4.1 Setiap pegawai hendaklah memastikan majikan mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Permohonan secara bertulis daripada pekerja kepada majikan telah diperoleh;
- (ii) Lanjutan dari perenggan (a), majikan hendaklah mengemukakan permohonan bertulis ke PTK Cawangan yang berhampiran dengan menggunakan **Borang Permohonan Kebenaran Ketua Pengarah berhubung Bayaran Gaji Pekerja Secara Wang Tunai/Cek (Borang M)** seperti di **Lampiran 2**;
- (iii) PTK Cawangan hendaklah menyiasat, menyediakan laporan siasatan dan mengemukakan ulasan Ketua Pejabat sebelum

dipanjangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Pengarah Negeri;
dan

- (iv) Kelulusan Pengarah Negeri hendaklah menggunakan **surat** seperti di **Lampiran 3**.

4.2. Permohonan permit pengecualian sekatan wanita kerja malam di bawah seksyen 34.

- (i) Permohonan ini tidak akan diproses mulai 1 Januari 2023 selaras dengan pembatalan seksyen ini di bawah Akta Kerja (Pindaan) 2022.
- (ii) PTK Cawangan hendaklah menasihat dan memaklumkan majikan bahawa tiada lagi keperluan untuk memohon permit berkenaan. Namun begitu, bagi majikan yang mengkehendaki pekerja wanita bekerja pada waktu malam digalakkan untuk:
- (a) mendapatkan persetujuan pekerja berkaitan perubahan waktu bekerja;
 - (b) menyediakan kemudahan pengangkutan percuma atau membayar elaun pengangkutan; dan
 - (c) membayar elaun syif malam.
- (iii) Bagi permohonan yang telah dikemukakan dan masih dalam tindakan JTK Negeri atau PTK Cawangan, pemakluman hendaklah dikemukakan kepada majikan menggunakan **surat pemberitahuan** seperti di **Lampiran 4**.
- (iv) Bagi permohonan yang telah dipanjangkan kepada Ibu Pejabat, surat pemberitahuan kepada majikan akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat dengan disalinkan kepada PTK Cawangan.

TERHAD

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling ini akan berkuatkuasa mulai **1 Januari 2023**.

KEMUSYKILAN

6. Sebarang kemosyikilan boleh dikemukakan kepada:

**Unit Perundangan (Permit Perburuhan),
Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan,
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
E-mel : bpuhqgroup@mohr.gov.my
No. Telefon : 03-8886 5192**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia dalam Pemulihan Negara”

(**DATO’ HAJI ASRI BIN AB RAHMAN**)

Ketua Pengarah Tenaga Kerja

Semenanjung Malaysia

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

PUTRAJAYA

4 Januari 2023

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JTKSM

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan), JTKSM

Semua Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, JTKSM

Semua Pengarah JTK Negeri, JTKSM

Semua Ketua Pejabat Cawangan, JTKSM

Lampiran 1

Pindaan kepada Seksyen 25A Akta Kerja (Pindaan) 2022:

Dahulu	Sekarang
<p>(1) Notwithstanding subsection 25(1), an employer may, upon a written request of the employee, other than a domestic servant make payment of his employee's wages –</p> <p>(a) in legal tender; or</p> <p>(b) by cheque made payable to or the other of the employee.</p>	<p>(1) Notwithstanding subsection 25(1), an employer may, upon a written request of the employee and subject to subsection (2), make payment of his employee's wages –</p> <p>(a) in legal tender; or</p> <p>(b) by cheque made payable to or the other of the employee.</p>
<p>(2) In the case of a domestic servant, the employer shall, upon the request of his domestic servant, obtain approval from the Director General for the payment of wages of the domestic servant to be paid in legal tender or by cheque.</p>	<p>(2) The employer shall, upon the written request of his employee under subsection (1), obtain approval from the Director General for the payment of wages to be paid in legal tender or by cheque.</p>
<p>Tiada</p>	<p>(2A) The Director General may impose any condition as he may deem fit on the approval granted under subsection (2).</p>
<p>(3) The request by the employee under subsections (1) and (2) may be withdrawn by the employee at any time by notice in writing to the employer.</p>	<p>(3) The request by the employee under subsection (1) may be withdrawn by the employee at any time by notice in writing to the employer.</p>



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN KEBENARAN KETUA PENGARAH
BAYARAN GAJI MELALUI WANG TUNAI/CEK**
(seksyen 25A(2) Akta Kerja 1955)

Majikan hendaklah melengkapkan dua (2) salinan dokumen yang disenaraikan di Bahagian I dan II bersama-sama dengan Borang Permohonan Kebenaran Ketua Pengarah ke Pejabat Tenaga Kerja yang berdekatan. Jabatan tidak akan memproses permohonan yang tidak lengkap.

Sila tandakan ✓ pada ruang yang berkenaan.

Cap terima pejabat

BAHAGIAN I - DOKUMEN UTAMA

BIL	PERKARA	SERAH		PENGESAHAN DOKUMEN DITERIMA		
		Majikan		Untuk kegunaan pejabat		
		✓	X	✓	X	Catatan
1.	Borang permohonan– Borang M					
2.	Salinan kontrak perkhidmatan <i>(3 orang pekerja tempatan dan 3 orang pekerja asing yang terlibat)</i>					
3.	Salinan penyata gaji <i>(3 orang pekerja tempatan dan 3 orang pekerja asing yang terlibat)</i>					
4.	Senarai cawangan yang terlibat(<i>Jika berkenaan</i>)					
5.	Senarai pekerja yang terlibat					
6.	Surat permohonan bertulis setiap pekerja yang terlibat					
7.	Perjanjian kolektif (<i>Collective agreement</i>)(<i>Jika ada</i>)					

BAHAGIAN II – DOKUMEN TAMBAHAN

1.	Dokumen tambahan (Contoh: Perintah mahkamah/ <i>Special Pass</i> untuk pekerja asing)					
----	--	--	--	--	--	--

BAHAGIAN III – PENGESAHAN PENERIMAAN

Maklumat wakil majikan untuk dihubungi		Maklumat Pegawai JTK	
Nama pegawai		Nama pegawai	
Jawatan		Jawatan	
No. telefon		Tarikh	
Tarikh		Tandatangan	



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN KEBENARAN KETUA PENGARAH
BAYARAN GAJI PEKERJA SECARA WANG TUNAI / CEK**
(seksyen 25A(2) Akta Kerja 1955)

Sila tandakan ✓ pada ruang yang berkenaan.

KATEGORI PERMOHONAN

Baharu

Pembaharuan (*Sila nyatakan no. rujukan surat terdahulu*)

BAHAGIAN I - MAKLUMAT SYARIKAT

a) Nama syarikat : _____

Sertakan senarai alamat cawangan-cawangan / anak-anak syarikat dalam lampiran yang berasinga.(Jika berkaitan)

b) No. pendaftaran syarikat (SSM) : _____

c) Alamat penuh syarikat : _____

No. Telefon : _____ No. Faks : _____

Emel : _____

d) Sektor perniagaan : Perkhidmatan Pembuatan Pembinaan

Pertanian Perladangan

Lain-lain

: _____

e) Jenis perusahaan : _____

f) Pegawai untuk dihubungi : _____

Nama	Jawatan	Emel

g) Maklumat tenaga kerja terkini : _____

Jantina	Bilangan pekerja		
	Tempatan	Asing	Jumlah
Lelaki			
Perempuan			
Jumlah keseluruhan			

BAHAGIAN II-MAKLUMAT MENGENAI PERMOHONAN

a) Pembayaran gaji pekerja melalui:

Tunai Cek

b) Jumlah pekerja yang terlibat dengan permohonan ini:

orang.

c) Sebab-sebab permohonan:

d) Adakah pekerja telah memohon secara bertulis kepada majikan untuk tujuan pembayaran gaji secara wang tunai atau cek?

(Sila lampirkan permohonan bertulis daripada pekerja yang terlibat bersama-sama permohonan ini.)

Ya Tidak

e) Tempoh pelaksanaan yang dicadangkan :

BAHAGIAN III - PENGAKUAN MAJIKAN

Sekiranya permohonan ini tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, Jabatan Tenaga Kerja berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan ini.

Dengan ini saya membuat pengakuan bahawa segala maklumat yang diberikan dan dokumen yang dilampirkan adalah benar. Permohonan ini akan terbatal sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu.

(seksyen 97 (d) Akta Kerja 1955)

TANDATANGAN

.....

Nama	
Jawatan	
No. Kad pengenalan / No.Passpot	
Tarikh	
Cap syarikat	

LAMPIRAN A

Sila lengkapkan senarai di bawah bagi pekerja-pekerja yang terlibat dengan permohonan ini

Bil	Butiran pekerja		Cara bayaran gaji pekerja (Sila tandakan ✓ pada petak yang berkenaan)	
	Nama	No.Kad Pengenalan / No. Passpot	Wang Tunai	Cek

Ruj Kami:

Tarikh:

Alamat Majikan

.....
.....

Tuan,

**PERMOHONAN KEBENARAN KETUA PENGARAH BERHUBUNG
BAYARAN GAJI SECARA WANG TUNAI/CEK DI BAWAH SEKSYEN
25A(2) AKTA KERJA 1955**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan bagi membayar gaji pekerja secara wang tunai/cek (*potong yang mana berkenaan*) di bawah seksyen 25A(2) Akta Kerja 1955 **DIBENARKAN** tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- i. Pekerja- pekerja yang dibenarkan bagi permohonan bayaran gaji pekerja secara wang tunai/cek adalah seperti di Lampiran A;
- ii. Membayar gaji pekerja tidak melebihi tempoh satu bulan;
- iii. Membayar gaji pekerja tidak lewat dari hari ke tujuh selepas hari terakhir bagi mana-mana tempoh gaji seperti yang diperuntukan di bawah seksyen 19 (1) Akta Kerja 1955; dan
- iv. Majikan hendaklah memberikan salinan penyata gaji di bawah peraturan 5(c) kepada setiap pekerja.

Ruj. Kami:

PERMOHONAN KEBENARAN KETUA PENGARAH BERHUBUNG BAYARAN GAJI SECARA WANG TUNAI/CEK DI BAWAH SEKYEN 25A(2) AKTA KERJA 1955

3. Kegagalan mematuhi syarat-syarat di atas merupakan satu pelanggaran dan surat kebenaran ini TERBATAL serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia dalam Pemulihan Negara”

Saya yang menjalankan amanah,

()
Pengarah Tenaga Kerja Negeri

Ruj. Kami:

PERMOHONAN KEBENARAN KETUA PENGARAH BERHUBUNG BAYARAN GAJI SECARA WANG TUNAI/CEK DI BAWAH SEKYEN 25A(2) AKTA KERJA 1955

LAMPIRAN A

BIL	NAMA PEKERJA	NO. KAD PENGENALAN/ NO. PASSPORT	CARA BAYARAN GAJI
1.	<i>Nama Pekerja</i>	<i>No. Kad Pengenalan Pekerja/ No. Passpot</i>	<i>Wang Tunai / Cek</i>

Ruj Kami:
Tarikh:

Alamat Majikan

.....
.....

Tuan,

PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA SEKATAN KERJA MALAM BAGI PEKERJA-PEKERJA WANITA DI BAWAH SEKSYEN 34 AKTA KERJA 1955.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan, permohonan permit pengecualian daripada sekatan wanita kerja malam di bawah seksyen 34 Akta 265 **TELAH DIHENTIKAN** mulai 1 Januari 2023 selaras dengan pembatalan Bahagian VIII Akta ini melalui Akta Kerja (Pindaan) 2022.

3. Namun begitu, bagi majikan yang mengkehendaki pekerja wanita bekerja pada waktu malam digalakkan untuk:

- (i) mendapatkan persetujuan pekerja berkaitan perubahan waktu bekerja;
- (ii) menyediakan kemudahan pengangkutan percuma atau membayar elaun pengangkutan; dan
- (iii) membayar elaun syif malam.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia dalam Pemulihan Negara”

Saya yang menjalankan amanah,

()
Pengarah Tenaga Kerja Negeri